

**DATE** : 10 JANUARY 2018  
**PUBLICATION** : UTUSAN MALAYSIA  
**SECTION** : BISNES  
**HEADLINE** : SERBA DINAMIK RANCANG LAKSANA TAWARAN PERSENDIRIAN RM 433.9J  
**CATEGORY** : COMPANY NEWS  
**MEASUREMENT** : 224.24CM<sup>2</sup>  
**TONE** : NEUTRAL  
**REMARKS** : N/A

# Serba Dinamik rancang laksana tawaran persendirian RM433.9j

**Oleh AFIQ MOHD. SHAH**

ekonomi@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 9 Jan.-** Serba Dinamik Holdings Berhad merancang untuk melaksanakan tawaran persendirian dengan menyasarkan RM433.88 juta melibatkan 133.5 juta saham baharu iaitu 10 peratus daripada jumlah saham keseluruhan terbitan syarikat tersebut.

Menurut Serba Dinamik, sebanyak RM270.49 juta daripada cadangan tawaran persendirian itu akan digunakan untuk pembangunan Taman Perindustrian eko-Pengerang (PeIP) merangkumi pembangunan kerja-kerja penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) di samping pemeriksaan, pembaikan dan penyelenggaraan (IRM) pusat kecemerlangan global.

Jelasnya, projek yang bernilai kira-kira RM400 juta tersebut akan mengambil masa selama 24 bulan untuk siap sepenuhnya



selepas pelaksanaan tawaran persendirian.

“Selain itu, syarikat juga akan menggunakan RM111.11 juta sebagai keperluan modal kerja berkaitan kontrak kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentauliahan (EPCC) bagi projek pembinaan kilang chlor-alkali di Tanzania bernilai RM295.26 juta.

“Sebanyak RM44.96 juta pula akan digunakan untuk pembangunan Pusat Komersial Antarabangsa Pengerang (PICC) yang dianggarkan bernilai RM450 juta,” jelasnya dalam makluman di Bursa Malaysia hari ini.

Pada 18 Ogos lalu, Serba Di-

namik menerusi anak syarikat milik penuhnya, Serba Dinamik Sdn. Bhd. (SDSB) telah memeterai memorandum perjanjian (MoA) untuk terlibat sama dalam projek EPCC bagi PeIP dan PICC di samping pembangunan komersial dan kediaman bersepadu iaitu Pengerang Northshore Residence di atas tanah berkeluasan 53.42 hektar di Pengerang, Johor.

Pada 6 Oktober 2017 pula, satu lagi anak syarikat milik penuhnya iaitu Serba Dinamik International Ltd. telah memeterai perjanjian usahasama dengan Junaco (T) Limited bagi penubuhan dan operasi kilang chlor-alkali di wilayah Kibaha, Tanzania.

Menurut Serba Dinamik lagi, cadangan tawaran persendirian itu dijangka selesai sepenuhnya dalam suku pertama tahun ini.

“Cadangan pengumpulan dana ini akan mencairkan kepentingan pemegang saham sedia ada dalam Serba Dinamik sebanyak 10 peratus,” jelas syarikat itu.